



GAMBAR tular air limau mahal berharga RM10 yang dijual di Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur mengundang kemarahan orang ramai baru-baru ini.

Peniaga haram jual air limau RM10

- **KPDN menerima empat aduan secara dalam talian**
- **Turut dijual mahal adalah bihun sup berharga RM20**

† Oleh **HARRITH HISHAM**

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (KPDN-WPKL) menerima empat aduan melibatkan bazar Ramadan menerusi sistem a-aduan.

KPDNWPKL dalam kenyataan berkata, pihaknya telah menjalankan penguatkuasaan mela-

lui Ops Pantau dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

“Tiga daripadanya susulan video viral melibatkan air limau harga RM10, bihun sup harga RM20 di Bazar Ramadan Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) dan kuih apam talam (tambah kelapa parut RM2) di Bazar Ramadan Taman Tun Dr. Ismail (TTDI).

“Siasatan anggota penguat kuasa mendapati, individu menjual air limau dan bihun sup adalah peniaga haram dan tidak lagi berniaga di lokasi tersebut, manakala peniaga apam talam tidak beroperasi,” katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, KPDNWPKL berkata, lawatan dan pemerik-

saan semula akan dijalankan oleh anggota penguat kuasa selama mana bazar beroperasi pada Ramadan ini.

Sehubungan itu, pihak kementerian mengalu-alukan aduan melalui saluran portal e-aduan. kpdn, Call Centre **1 800 886 800**, e-mel (e-aduan@kpdn.gov.my) atau WhatsApp di talian **019-848 8000**.

Sebelum ini, seorang individu terkejut apabila dikenakan harga RM10 hanya untuk secawan air limau asam boi sewaktu membelinya di bazar raya di Jalan TAR, Kuala Lumpur.

Perkongsian tersebut melalui TikTok MokWe dan pemilik akaun itu mendakwa air terbabit dibeli daripada penjual jalanan di situ.